

29 JUL 2002

LID-KESATUAN AFRIKA/I

KESATUAN AFRIKA BARU MUNGKIN DIWUJUDKAN UNTUK PELABUR ASING

Oleh: Yong Soo Heong

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Kesatuan Afrika (AU) yang baru mungkin menyediakan lebih kestabilan dan memenuhi kehendak perniagaan pelabur asing dan pedagang, kata Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat ekonomi Kumpulan Sunway.

Navaratnam, yang juga anggota Suhakam, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, mengulas demikian berhubung kenyataan bahawa beberapa ahli perniagaan tempatan yang menjadi semakin berhati-hati melabur di Afrika kerana persepsi bahawa "peraturan perdagangan" selalu bertukar dengan perubahan kepimpinan.

Bagaimanapun, dengan pembentukan AU baru-baru ini, pemimpin Afrika berharap untuk mengikuti jejak Kesatuan Eropah untuk keamanan, kesatuan dan kemakmuran. Ini adalah kerana Afrika tidak mahu ketinggalan setelah kebanyakan rantau di dunia mula membentuk blok ekonomi yang lebih besar.

Pemimpin-pemimpin Afrika menyedari bahawa Afrika perlu bersatu sekiranya ia mahu suaranya didengar dalam ekonomi global, begitu juga dengan pembentukan AU.

Untuk jangka panjang, adalah diharapkan AU akan mempunyai parlimen, bank pusat dan mahkamah yang sama.

Navaratnam berkata sebagaimana di semua negara, selalu terdapat risiko perniagaan.

"Untuk berlaku adil kepada ahli perniagaan kita, Afrika memang mempunyai risiko," kata beliau. "Tetapi kadang kala lebih banyak risiko bermakna lebih banyak keuntungan. Itulah yang perlu ditimbang oleh ahli perniagaan."

Semasa ditanya mengenai sumbangan dialog perkongsian pintar seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID), beliau berkata perhimpunan sedemikian telah memberi sumbangan besar dalam peningkatan kontrak perniagaan.

Langkawi menjadi tuan rumah Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 mulai Khamis hingga Sabtu ini dengan lebih 400 peserta termasuk ketua negara dan kerajaan, pegawai kanan kerajaan serta ahli perniagaan dijangka mengambil bahagian. LID 2002 juga turut meliputi SAID dan EAID.

Dalam menyokong sentimen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerak utama dialog perkongsian pintar itu, Navaratnam, yang juga peserta LID 2002, berkata mereka juga telah mewujudkan kesedaran yang lebih mengenai potensi bagi menjalankan perniagaan dan pelaburan di Afrika.

"Jika bukan kerana LID dan khususnya perdana menteri kita, ahli perniagaan Malaysia tidak mengetahui mengenai propek perniagaan di Afrika pada tahap ini, atau langsung tidak mengetahuinya. Dengan LID dan perdana menteri kita, ahli perniagaan kita dapat menemui presiden, perdana menteri dan pegawai kanan Afrika dengan mudah," kata Navaratnam yang menghadiri LID sejak permulaannya pada 1995.

Merujuk kepada ketua-ketua korporat Malaysia yang menghadiri dialog sedemikian, Navaratnam berkata kebanyakan mereka mampu menunjukkan kelebihan Malaysia.

"Bagi mereka yang berkemampuan, prominen dan serius untuk meneroka kemungkinan perniagaan di Afrika -- sebagaimana yang digalakkan oleh perdana menteri kita -- biasanya menghadiri dialog seperti itu," katanya.

-- BERNAMA

SHY SD NHD

